

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN WONG SHU QI [KLUANG]

TARIKH : 23 JULAI 2020 [KHAMIS]

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah dan nama taman industri di setiap negeri di Malaysia. Adakah taman industri yang dibina di setiap negeri perlu mengikuti satu Prosedur Operasi Standard untuk memastikan infrastruktur berkualiti untuk pelabur.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, satu Kajian Pembangunan Kawasan Perindustrian di Malaysia telah dilaksanakan oleh *PricewaterhouseCoopers* (PWC) pada tahun 2011 untuk Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM). Kajian ini telah menyelaraskan definisi Kawasan Perindustrian dengan menggunakan definisi yang digunakan oleh *World Bank*, iaitu Kawasan Perindustrian (*Industrial Estates* - IE) didefinisikan sebagai satu zon kawasan khas untuk aktiviti perindustrian yang dilengkapi dengan kemudahan asas seperti rangkaian jalan raya, kuasa elektrik, dan lain-lain perkhidmatan utiliti untuk membantu pembangunan sektor industri perkilangan.

2. Menurut kajian yang sama, majoriti IE di Malaysia dibangunkan oleh agensi kerajaan seperti Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN), Pihak Berkuasa Pembangunan Wilayah dan Majlis Koridor Wilayah. Terdapat juga pemaju swasta terlibat dalam pembangunan IE di negeri-negeri tertentu. Selain itu, beberapa penemuan (*findings*) lain telah dikenal pasti, seperti berikut:

- (a) Tiada agensi/pihak berkuasa di peringkat persekutuan/negeri yang bertanggungjawab untuk mengumpul data/maklumat kawasan perindustrian di Malaysia;
- (b) Tiada rancangan pembangunan kawasan perindustrian secara holistik;
- (c) Pembangunan kawasan perindustrian adalah tidak seragam;
- (d) Tiada definisi yang jelas bagi setiap kategori kawasan perindustrian yang berlainan, contohnya, definisi berbeza berkaitan taman teknologi tinggi (*high technology park*);

- (e) Pihak berkuasa atau badan kawal selia yang berbeza di peringkat mendapatkan kelulusan bagi pembangunan sesebuah IE;
- (f) Pembangunan kawasan perindustrian tidak terancang yang menyebabkan senario tawaran berlebihan (*oversupply*); dan
- (g) Kawasan perindustrian yang tidak diselenggara dengan teratur.

3. Walau bagaimanapun, dengan kerjasama bersama Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di setiap negeri, PWC selaku perunding kajian tersebut telah berjaya mengenal pasti lebih kurang 600 buah kawasan perindustrian di Malaysia berdasarkan definisi *World Bank* tersebut pada tahun 2011, seperti berikut:

Negeri	Bilangan Kawasan Perindustrian
Perlis	8
Kedah	13
Pulau Pinang	14
Perak	65
Selangor	250
WP Kuala Lumpur	49
Negeri Sembilan	16
Melaka	21
Johor	41
Kelantan	16
Terengganu	25
Pahang	38
Sabah	16
Sarawak	23

4. Penubuhan taman-taman industri dan syarat-syarat pembinaan infrastruktur adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Walau bagaimanapun, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui Jabatan Perancang Bandar dan Desa (PlanMalaysia) telah menyediakan dokumen Piawaian Perancangan Kawasan Perindustrian yang menggariskan beberapa aspek kawalan perancangan bagi pembangunan kawasan perindustrian meliputi garis panduan umum dan garis panduan khusus.

5. Piawaian ini hanya menyentuh aspek fizikal antaranya berkaitan komponen kawasan perindustrian, perancangan tapak, keperluan penyediaan zon penampakan, kemudahan yang perlu disediakan, keluasan dan saiz minimum lot, serta had ketinggian bangunan. Piawaian ini tidak mengandungi prosedur operasi standard (SOP) untuk memastikan penyediaan infrastruktur tertentu bagi tujuan menarik pelabur.

6. Walau bagaimanapun, mulai 1 Januari 2008, MIDA telah diberi tanggungjawab untuk mentadbir urus Program Menaiktaraf Infrastruktur Asas Kawasan Perindustrian Berintegrasi Sedia Ada (termasuk industri halal) atas arahan UPE, JPM. Program ini telah diluluskan secara *one-off* sejak Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dan diteruskan pelaksanaannya oleh MIDA dalam RMK-10 dan RMK-11. Peruntukan program ini disalurkan oleh UPE, JPM melalui MITI kepada MIDA selaku Agensi Penyelaras. Secara amnya, kewujudan program ini adalah berdasarkan keperluan mendesak daripada pihak industri dan bertujuan untuk bekerjasama dengan PBT dalam menyelia dan menyelenggara infrastruktur sedia ada dalam IE secara konsisten serta mengekalkannya dalam keadaan kondusif.

7. Objektif program ini adalah untuk:

- (a) Membiayai aktiviti menaik taraf, memperbaiki infrastruktur asas, fasiliti dan kemudahan sedia ada dalam IE yang uzur seperti berikut:

NO SOALAN : 51

- i. Jalan (termasuk bahu jalan), jambatan, tempat letak kenderaan berpusat, sistem perparitan dan saliran;
 - ii. Kemudahan gunasama seperti premis perniagaan dan medan selera yang dibina oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) / Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN); dan
 - iii. Lampu jalan dan papan tanda asas.
- (b) Menambah infrastruktur asas baharu yang boleh meningkatkan nilai tambah (*value-add*) sesebuah IE, seterusnya membantu meningkatkan efisiensi pengoperasian dan produktiviti pengilang/pengusaha sedia ada/baharu. Contohnya jejantas, lampu isyarat dan fasiliti lain yang mempunyai justifikasi munasabah; dan
- (c) Meningkatkan daya saing IE untuk menarik pelabur baharu.

Sekian, terima kasih.